

30 NOV 97

PEGAWAI ASEAN CAPAI KATA SEPAKAT DALAM ISU KEWANGAN

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Pegawai-pegawai kewangan kanan Asean telah mencapai kata sepakat mengenai isu-isu yang akan dibincangkan di mesyuarat dua hari Menteri-menteri kewangan Asean yang bermula di sini, esok.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan Tan Sri Clifford Herbert memberitahu pemberita selepas mesyuarat pegawai-pegawai kanan itu, kata sepakat telah dicapai dalam semua isu.

"Kita membincangkan beberapa isu seperti pemantauan, bantuan kewangan Asean kepada ekonomi-ekonomi yang terjejas, dan juga respons dasar memandangkan krisis kewangan dan jenis tindakan yang perlu diambil oleh ahli-ahli ekonomi," kata beliau.

Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan secara amnya akan meneliti peraturan yang berkaitan dengan urusan mata wang yang dicadangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Nilai mata wang beberapa negara Asean telah menyusut banyak kerana serangan spekulatif terhadap mata wang negara-negara itu sejak Jun lepas.

Cadangan Perdana Menteri itu dipertimbangkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang akan mengemukakan penemuan awal mengenai urusan mata wang di mesyuarat itu. -- BERNAMA

AD MR PR